

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
BIN RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH  
(KUALA TERENGGANU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.05.2016**

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD  
BAHARUDDIN SHAH [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI  
KEWANGAN** menyatakan apakah status persediaan dan  
perlaksanaan pusat bebas cukai di Tasik Kenyir, Terengganu hari ini.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah yang sedang diambil  
untuk pelaksanaan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir melibatkan

secara langsung pihak Kerajaan Negeri melalui Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan membabitkan semakan serta kelulusan dari aspek keteraturan di bawah undang-undang sedia ada. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bersama dengan KETENGAH sedang menyediakan keperluan untuk pemertaan kawasan yang telah diluluskan supaya dapat beroperasi dengan licin dan cekap untuk pembangunan jangka panjang.